



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia

ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA
Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Telefon : 03-8880 3500
Emel : cr@kehakiman.gov.my

YBrs. Tuan,

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas serta surat YBrs. Tuan kepada YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara bertarikh 18 September 2024.

2. Untuk makluman YBrs. Tuan, YAA Ketua Hakim Negara telah mengambil maklum berkenaan permohonan Jawatankuasa Bar Kuala Lumpur untuk mendapatkan penangguhan kes-kes yang bersidang di Mahkamah pada 27 Februari 2025 bagi membolehkan Peguam-Peguam hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan ke-33 Bar Kuala Lumpur bagi tahun 2025. Sehubungan dengan itu, adalah saya diarah oleh YAA Ketua Hakim Negara untuk memaklumkan bahawa YAA Tun tiada halangan atas permohonan Peguam-Peguam untuk mendapatkan penangguhan bagi menghadiri Mesyuarat ini.

3. Walau bagaimanapun, permohonan untuk melapangkan kes-kes tersebut hendaklah dibuat terus kepada Mahkamah-Mahkamah yang berkenaan oleh Peguam-Peguam yang terlibat dengan Mesyuarat tersebut.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

t.t.

(DATUK ZAMRI BIN HAJI BAKAR)

Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman, Putrajaya